

PELAKSANAAN SOLAT BERJEMAAH DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

Siti Zaleha Ibrahim
Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: sitizaleha@uis.edu.my

Nurul Hanis Nadiyah Ngaliman
Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: hanisnadiyah@uis.edu.my

Nurul Syafini Abd Rahman
Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: nurulsyafini@uis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan mahasiswa Universiti Islam Selangor. Sebagaimana yang dimaklumi, solat berjemaah sangat dituntut untuk melakukannya. Fadhiat solat ini sangat besar berbanding solat secara bersendirian. Justeru, objektif kajian ini akan mengenal pasti tahap pengetahuan mahasiswa tentang kelebihan solat berjemaah. Kajian berbentuk kuantitatif melalui tinjauan soal selidik ke atas tiga puluh tujuh orang mahasiswa pengajian peringkat diploma. Dapatan kajian berbentuk deskriptif secara peratusan. Kajian mendapati tahap pengetahuan mahasiswa tentang kelebihan solat berjemaah adalah baik. Kajian juga mendapati pelaksanaan solat berjemaah adalah pada tahap sederhana baik. Justeru, pihak universiti perlu mengadakan lebih banyak program di masjid untuk menarik minat pelajar hadir ke masjid seterusnya melazimi solat berjemaah. Selain itu, pelajar juga perlu mengajak rakan-rakan untuk solat berjemaah lebih-lebih lagi bagi solat Subuh dan Isyak.

Kata Kunci: Pelaksanaan; solat berjemaah; kelebihan; mahasiswa; UIS

1. PENDAHULUAN

Kewajipan solat lima waktu adalah instrumen penting dalam melengkapkan rukun Islam. Sesiapa yang beragama Islam dituntut melakukannya sebagai tanda pengabdian diri dan ketaatan hamba kepada penciptanya. Sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya: *"Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman."*

(al-Nisa':103)

Ibadat solat menjanjikan ganjaran yang berlipat ganda apabila dilakukan secara berjemaah. Selain itu, individu Muslim yang menjaga solat berjemaah terutama Subuh dan Isyak pula akan mendapat ganjaran syafaat daripada Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: *"Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat."*

(Riwayat Muslim)

Daripada 'Uthman bin 'Affan katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: *“Sesiapa menghadiri solat Isyak berjemaah, maka dia mendapat pahala solat separuh malam. Sesiapa solat Isyak dan Subuh berjemaah, maka dia mendapat pahala seperti pahala solat sepanjang malam.”*

(Riwayat Tirmizi)

Solat jemaah merupakan satu ibadah yang bukan sahaja menzahirkan kepatuhan kepada perintah Allah SWT, malah mencerminkan kekuatan ukhwah dan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Dalam era moden yang semakin mencabar ini, nilai-nilai kebersamaan sering kali terhakis akibat tekanan kehidupan individualistik dan kesibukan harian. Justeru, amalan solat secara berjemaah bukan sekadar kewajipan agama, malah juga sebagai mekanisme sosial yang mengeratkan hubungan antara sesama insan.

Allah SWT menekankan kepentingan solat secara berjemaah melalui beberapa ayat dalam al-Quran. Firman Allah yang bermaksud:

Maksudnya: *Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka.”*

(al-Nisa’:102)

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Solat berjemaah merupakan salah satu amalan ibadah yang sangat dituntut dalam Islam kerana ia bukan sahaja memperkukuh hubungan spiritual antara individu dengan Allah SWT, malah mengeratkan silaturahim dan membina sahsiah yang baik dalam kalangan umat Islam. Dalam konteks mahasiswa, solat berjemaah berperanan penting dalam pembentukan akhlak dan disiplin diri yang menjadi asas kepada pembentukan jatidiri yang kukuh. Namun, kajian menunjukkan bahawa penghayatan dan pengamalan solat fardu, termasuk solat berjemaah, dalam kalangan mahasiswa masih berada pada tahap yang rendah walaupun mereka memahami kepentingannya dan kelebihannya.

Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana solat berjemaah bukan sahaja ibadah tetapi juga medium penting dalam mencegah perbuatan keji dan mungkar serta membentuk akhlak mulia dalam kalangan mahasiswa (Siti Zaleha & Noraini, 2023). Faktor utama yang menghalang pelaksanaan solat berjemaah termasuk jadual kuliah yang padat dan tugas kerja yang banyak. Fenomena ini turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan mahasiswa yang seharusnya menjadi harapan bangsa dan tiang agama pada masa hadapan (Siti Khursiah Mansor, 2021).

Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengetahuan mahasiswa tentang kelebihan solat berjemaah dan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan mereka. Selain itu, kajian juga dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan solat berjemaah dalam kalangan mahasiswa. Dengan itu, diharapkan hasil kajian dapat membendung masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang semakin membimbangkan dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui tinjauan secara soal selidik terhadap 37 orang mahasiswa Universiti Islam Selangor khususnya yang mengikuti kursus MPU2262

Al-Fiqh Al-Islami. Soal selidik diedarkan melalui rangkaian internet. Dapatan kajian adalah berdasarkan kajian bersifat rintis dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kajian rintis adalah aktiviti penting dalam kajian tinjauan yang bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian serta menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen dan kesesuaian kaedah analisis (Mohd. Najib, 2003).

Berdasarkan konsep kajian tersebut, satu set soal selidik telah dibina dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara. Borang soal selidik mengandungi 2 bahagian, iaitu bahagian A dan B. Bahagian A adalah berkaitan profil demografi responden. Bahagian B pula pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan mahasiswa.

Soal selidik ini menggunakan Skala Likert, iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Skala Likert digunakan bagi memudahkan responden untuk menjawab dan memudahkan analisis data.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Bahagian A: Demografi Responden

Jadual 1: Taburan responden mengikut faktor demografi

Jantina	Bilangan Responden
Lelaki	23 (62.2%)
Perempuan	14 (37.8%)
Fakulti	Bilangan Responden
FPPI	20 (54.05%)
FMKK	7 (18.92%)
FP	7 (18.92%)
FEPP	3 (8.11%)

4.2 Bahagian B: Pelaksanaan Solat Berjemaah dalam Kalangan Mahasiswa

Jadual 2: Dapatan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan mahasiswa

No	Perkara	STS	TS	TP	S	SS
1.	Fadhilat solat jemaah adalah mendapat 27 kali ganda pahala pahala.	3 (8.1%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (8.1%)	31 (83.8%)
2.	Saya memahami kepentingan menunaikan solat secara berjemaah dalam kehidupan umat Islam.	2 (5.4%)	1 (2.7%)	0 (0%)	2 (5.4%)	32 (86.5%)

3.	Solat secara berjemaah mampu membentuk sahsiah diri dan disiplin diri dalam hidup saya sebagai mahasiswa.	2 (5.4%)	1 (2.7%)	1 (2.7%)	2 (5.4%)	31 (83.8%)
4.	Saya menunaikan solat fardu lima waktu secara berjemaah.	1 (2.7%)	5 (13.5%)	14 (37.8%)	9 (24.3%)	8 (21.6%)
5.	Saya berusaha menunaikan solat secara berjemaah sama ada di rumah atau di masjid.	2 (5.4%)	0 (0%)	4 (10.8%)	6 (16.2%)	25 (67.6%)
6.	Saya sering mengajak rakan-rakan untuk menunaikan solat secara berjemaah.	1 (2.7%)	3 (8.1%)	7 (18.9%)	8 (21.6%)	18 (48.6%)
7.	Kesibukan dengan jadual kuliah dan tugas merupakan faktor utama saya tidak dapat menunaikan solat berjemaah.	6 (16.2%)	1 (2.7%)	8 (21.6%)	11 (29.7%)	11 (29.7%)

Analisis Bahagian B ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu pengetahuan pelajar tentang kelebihan solat berjemaah, pelaksanaan solat berjemaah dan faktor yang mendorong pelajar untuk solat berjemaah. Kategori pertama terdiri daripada 3 soalan, kategori kedua terdiri daripada 2 soalan dan kategori ketiga terdiri daripada 2 soalan. Setiap kategori akan diterangkan secara terperinci seperti berikut.

4.2.1 Pengetahuan Pelajar Tentang Kelebihan Solat Berjemaah

Kategori pertama ialah pengetahuan pelajar tentang kelebihan solat berjemaah. Peratusan tertinggi adalah pada item pada “Saya memahami kepentingan menunaikan solat secara berjemaah dalam kehidupan umat Islam” iaitu 86.5% mewakili 32 orang. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Norzira (2019) ke atas pelajar menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap kewajipan solat fardu lima waktu dan kefahaman tentang kelebihan solat berjemaah, seperti ganjaran pahala yang berlipat ganda dan kebaikan spiritual serta sosial.

Walau bagaimanapun, terdapat juga dapatan kajian yang menunjukkan terdapat ramai responden yang tidak bersetuju dengan item tersebut. Hal ini terjadi kerana kebanyakan pelajar masih keliru tentang kelebihan solat Isyak dan Subuh secara berjemaah. Dalam kedua solat tersebut, fadhilatnya lebih besar berbanding dengan solat fardu yang lain (Bidin et.al, 2015).

Seterusnya, seramai 83.8% responden sangat setuju dengan item “Fadhilat solat jemaah adalah mendapat 27 kali ganda pahala pahala”. Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Bidin et.al (2015) menunjukkan majoriti responden sangat setuju bahawa solat berjemaah mempunyai ganjaran berganda berbanding solat bersendirian dengan nilai min 4.76.

Dapatan yang sama iaitu 83.8% juga adalah pada item “Solat secara berjemaah mampu membentuk sahsiah diri dan disiplin diri dalam hidup saya sebagai mahasiswa”. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden sangat bersetuju bahawa pembentukan disiplin diri mampu diterap melalui amalan solat secara berjemaah. Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Bidin et.al (2015) mendapati bahawa solat berjemaah dapat melatih diri pelajar untuk sentiasa berdisiplin serta mematuhi segala peraturan iaitu dengan nilai min 4.59.

4.2.2 Pelaksanaan Solat Berjemaah

Bagi kategori ini, dapatan tertinggi adalah pada item “Saya berusaha menunaikan solat secara berjemaah sama ada di rumah atau di masjid” iaitu 67.6%. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati masih terdapat segelintir pelajar iaitu 2 orang mewakili 5.4% yang langsung tidak berusaha untuk menunaikan solat secara berjemaah.

Kajian longitudinal oleh Rahman dan Nur (2018) menunjukkan bahawa individu yang meletakkan usaha gigih untuk solat berjemaah cenderung mempunyai disiplin hidup yang lebih baik, seperti ketepatan masa dan pengurusan aktiviti harian lebih teratur. Ini menunjukkan bahawa usaha dalam solat berjemaah tidak hanya memberi ganjaran rohani tetapi turut meningkatkan keupayaan dalam pengurusan diri sendiri.

Seterusnya, hanya 21.6% sangat setuju dan 24.3% setuju dengan item “Saya menunaikan solat fardu lima waktu secara berjemaah”. Dapatan menunjukkan tidak sampai separuh yang menunaikan solat secara berjemaah lima waktu sehari semalam. Walau bagaimanapun, dapatan ini menunjukkan peningkatan dari kajian terdahulu yang mana hanya 17% menyatakan bahawa mereka menunaikan solat berjemaah sekurang-kurangnya 3 kali sehari (Ibrahim, et.al, 2016). Dapatan sederhana tinggi juga pada kajian oleh Tengku Nursyahzanani & Yusoff (2024) dengan min 3.46 pada item “Saya sentiasa solat berjemaah”.

4.2.3 Faktor yang Mendorong Pelajar untuk Solat Berjemaah

Bagi kategori ini, dapatan tertinggi menunjukkan bahawa 48.6 % sangat bersetuju dan 21.6% bersetuju bahawa mereka sentiasa mengajak rakan yang lain untuk menunaikan solat secara berjemaah. Ini menunjukkan reaksi positif bahawa rakan sangat berpengaruh dalam sesuatu perbuatan. Sebagaimana dapatan kajian Ismail & Ali (2021) menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya merupakan faktor utama yang mendorong pelajar lelaki di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) untuk melaksanakan solat berjemaah. Kajian ini menegaskan pentingnya peranan rakan sebaya sebagai motivator ke arah pengamalan solat fardu berjemaah yang konsisten. Walau bagaimanapun, kajian Norzira (2019) pula menunjukkan rakan-rakan kurang menjadi pendorong kepada para pelajar untuk melaksanakan solat lima waktu.

Kajian juga mendapati, jika seseorang remaja mencontohi rakan yang sentiasa menunaikan solat, mereka akan terdorong melakukan perkara yang sama (Nur Faridah (2016), Shukri et.al, (2014), Suhaila, 2018). Remaja yang lemah keyakinan diri mudah terikut-ikut dengan peribadi rakan. Oleh itu, pemilihan rakan yang baik sangat penting agar seseorang sentiasa didorong ke arah amal soleh seperti solat berjemaah.

Seterusnya, 29.7% responden bersetuju dan 29.7% responden sangat bersetuju dengan pernyataan “Kesibukan dengan jadual kuliah dan tugas merupakan faktor utama saya tidak dapat menunaikan solat berjemaah”. Ini menunjukkan lebih separuh responden bersetuju bahawa jadual kuliah yang padat dan tugas menyebabkan mereka tidak dapat menunaikan solat berjemaah.

Ia disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Ismail & Ali (2021), mendapati bahawa faktor utama yang tidak menggalakkan pelaksanaan solat fardu lima waktu berjemaah dalam kalangan pelajar lelaki di Surau at-Taqwa, IKMAS adalah bebanan tugas kuliah. Beberapa kajian turut menyebut faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pengamalan solat berjemaah seperti jadual waktu yang padat, jarak ke masjid atau surau, serta keperluan untuk menyatukan tanggungjawab keluarga dan pekerjaan (Tengku Nursyahzanani & Yusoff, Z, 2024).

5. PENUTUP

Kajian mendapati tahap pengetahuan mahasiswa tentang kelebihan solat berjemaah adalah baik. Kajian juga mendapati pelaksanaan solat berjemaah adalah pada tahap sederhana baik. Justeru, pihak universiti perlu mengadakan lebih banyak program di masjid untuk menarik minat pelajar hadir ke masjid seterusnya melazimi solat berjemaah. Selain itu, mahasiswa disarankan untuk mengajak rakan-rakan mereka agar turut melaksanakan solat berjemaah, terutamanya bagi solat Subuh dan Isyak. Ini adalah kerana kedua-dua solat tersebut mempunyai kelebihan dan ganjaran yang lebih besar berbanding solat fardu yang lain.

6. RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdullah @ Zakaria, N. F. (2016). *Amalan solat fardhu murid tahun tiga di sekolah rendah*. Latihan Ilmiah bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai.

Ahmad, N. B. (2019). Pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar pengurusan dalam Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS). *E-Proceeding LEC*.

Ahmad, S., Don, Y., Wan Abdullah, W. A. R. K., Ibrahim, M. M., & Mat Hussain, S. F. (2014). Penghayatan solat dan pengimarahkan masjid: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. In *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014* (e-ISBN 978-967-11768-7-0).

Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, M. I. (2015). Kefahaman ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar Muslim: Kajian tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*, 5(3), 21–34.

Ibrahim, S. Z., Othman, N., & Yama, D. P. (2016). Penghayatan dan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi islam. *E- Prosiding Irsyad*. 490–506.

Ismail, & Ali. (2021). Pelaksanaan amalan solat fardu berjemaah dalam kalangan pelajar lelaki di Surau At-Taqwa, IKMAS. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 8(2).

Mohd. Najib, M. (2003). Pengurusan kajian tinjauan: Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nadzri, S., Md Shamsudin, S., Abd Rahman, S. S., Mokhtar, A. A., & Md Razali, A. R. (2018). Isu-isu pengabaian solat dalam kalangan remaja di Negeri Selangor. *Prosiding IMAF*.

Rahman, L. A., & Nur, S. (2018). Disiplin masa dan ketaatan melalui amalan solat berjemaah: Kajian longitudinal. *Malaysian Journal of Islamic Studies*, 15(3), 101–115.

Siti Khurshiah Mohd Mansor, Syuhaida Idha Abd Rahim & Nur Hidayah Zainal. (2021). Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya Dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. 7(2), 79-98.

Siti Zaleha Ibrahim & Noraini Mohamad. (2023). Pelaksanaan Solat Sunat dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Islam. *e-Proceeding of the International Conference on Syariah and Legal Studies (ICONSYAL) 2023*. Universiti Islam Selangor (UIS). 185-191.

Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil, & Yusoff, Z. (2024). Peranan ibadah solat dalam membentuk tingkah laku dan kepimpinan diri yang efektif dalam kalangan remaja di Malaysia. *Malaysian Journal for Islamic Studies*. 8(2). Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.102-120.